



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SESI 2020/2021 SEMESTER 1

KOD KURSUS

UHS1022 – FALSAFAH DAN ISU SEMASA

TAJUK TUGASAN

LIBERALISME: Isu LGBT dan desakan pihak luar terhadap kerajaan Malaysia

KUMPULAN 7

SEKSYEN 78

NAMA PENSYARAH

DR. NURAZMALLAIL BIN MARNI

NO	NAMA PELAJAR	NO. MATRIK
1.	NAZIHAB BINTI SURATI	A20EC5016
2.	SOH ZEN REN	A20EC0152
3.	LIM LI TING	A20EC5008
4.	TIE SING HAO	A20EC0168
5.	MUHAMMAD MUIZZUDDIN BIN KAMARUZAMAN	A20EC0214
6.	SOH JUN WEI	A20EC0151

1. Justifikasi pemilihan tajuk

Liberalisme merupakan satu aliran pemikiran falsafah yang menghendaki kepada keterbukaan. Pemikiran ini telah menapak dalam kalangan liberal di Malaysia yang dibawa oleh individu mahupun badan-badan bukan kerajaan. Pemikiran liberal dalam isu LGBT boleh merosakkan aspek akidah dan manusiawi. Sebagai manusia kita kena kembali kepada asal kejadian. Dalam isu LGBT ini, manusia dilihat cuba untuk mengubah fitrah semulajadi mereka. Perkara negatif ini tidak dapat diterima dalam kalangan masyarakat di Malaysia dan perlu ditangani segera. Setiap lelaki dan wanita perlu mempunyai batas sempadan yang telah ditetapkan agama.

Terdahulu, di dalam perhimpunan sempena menyambut Hari Wanita Antarabangsa yang telah diadakan di Dataran Merdeka, himpunan itu turut disertai oleh golongan LGBT dengan membawa bendera dengan simbol kumpulan itu. Mereka mengambil kesempatan berhimpun secara haram dan berarak di ibu kota serta menuntut supaya dihapuskan diskriminasi jantina, menghentikan keganasan terhadap wanita dan kesaksamaan gender.

Amalan ini dilakukan secara semakin terbuka oleh masyarakat timur. Ini didorong oleh tuntutan melalui Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia (COMANGO) yang mendukung fahaman liberalisme dan sekularisme yang telah lama berkumandang sejak 2013. Mereka mengemukakan tuntutan melalui Semakan Berkala Sejagat Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) agar Kerajaan Malaysia mengiktiraf orientasi seksual dan identiti jantina (SOGI).

Pengiktirafan hak LGBT menimbulkan konflik baharu yang bukan sahaja menambahkan kekeliruan nilai dan pegangan, bahkan menimbulkan pertembungan hak dan kebebasan. Usaha menghalalkan cara ini diifatkan semakin melampau dan mencabar undang-undang agama dan negara. Jika tindakan tidak diambil, inilah yang akan terjadi. Bukannya mereka sedar sebaliknya mahu kita tunduk dan menghalalkan aktiviti.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendedahkan anggota masyarakat LGBT di negara ini semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu. Statistik ini direkodkan dari pelbagai sumber dengan hasilnya mempamerkan trend membimbangkan. Kerajaan perlu mengambil tanggungjawab untuk membantu golongan LGBT yang terpesong untuk kembali ke fitrah asal mereka. Gerakan mengiktiraf LGBT oleh golongan liberal merupakan satu ancaman kepada Negara.

2. Latar belakang tajuk

LGBT merupakan singkatan daripada singkatan lesbian, gay, biseksual and transgender. Istilah LGBT mula digunakan pada tahun 1990 bagi menggantikan frasa komuniti yang memiliki kecenderungan terhadap sesama jenis dan komuniti gay. Golongan LGBT sering dilambangkan dengan bendera yang berwarna pelangi.

Perkataan gay ialah sebutan khusus untuk golongan laki-laki yang tertarik dengan sama seks manakala lesbian merupakan sebutan khas kepada golongan perempuan. Orang yang mempunyai biseksual adalah berbeza dengan golongan gay dan lesbian kerana golongan ini tertarik kepada laki-laki atau perempuan. Istilah transgender pula digunakan untuk orang yang berperilaku atau berperampilan berbeda dengan jantannya.

Menurut para ahli, perilaku LGBT dari sudut kesehatan adalah tidak dibenarkan dan perlakuan ini tidak berkenaan dengan gangguan kejiwaan seseorang individu melainkan masalah kejiwaan. Pakar ahli juga menyatakan bahawa masalah kelainan bentuk organ reproduksi atau keraguan antara organ wanita dan pria boleh menyebabkan seseorang itu menjadi transgender. Namun hal ini dapat diselesaikan seiring waktu mengetahui mana organ yang lebih dominan dan masalah transgender ini dapat diatasi oleh individu tersebut.

Perkembangan hak LGBT di negara luar seperti di Amerika yang mengiktiraf perkahwinan sejenis pertama kalinya pada tahun 2015 dan diikuti dengan Mahkamah Perlembagaan Taiwan yang mengesahkan perkahwinan sejenis pada 2018 serta terkini di Australia yang mengubah perkataan 'the union of a man and a woman' kepada 'the union of two people' wajar dijadikan sempadan sebelum kerajaan mengadaptasi cadangan atau tunduk kepada desakan kumpulan LGBT yang menjadi arus perdana di seluruh dunia.

3. Permasalahan tajuk

Desakan pihak luar seperti COMANGO yang menuntut pengiktirafan golongan LGBT berdasarkan prinsip-prinsip hak asasi manusia di Malaysia akan membawa banyak permasalahan kepada negara kita.

Pertamanya, sudah terang lagi bersuluh bahawa negara Malaysia telahpun memegang identiti sebagai negara Islam yang sejarahnya dapat dijejaki sampai ke awal abad ke-7. Oleh itu, masalah LGBT yang berleluasa di negara kita ini secara langsungnya akan menggugat kedudukan dan kesucian Islam di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana perbuatan LGBT seperti homoseksualiti merupakan perbuatan dosa yang amat serius menurut ajaran agama Islam seperti yang diceritakan oleh kisah "kaum Lut" yang dicatat dalam Al-Quran. Menurut undang-undang tradisional Islam pula, mereka yang ditangkap melakukan tindakan homoseksual boleh dikenakan hukuman yang berbeza termasuklah hukuman mati. Ini secara langsungnya menyanggah dengan prinsip rukun negara yang pertama iaitu "kepercayaan kepada tuhan".

Selain itu, jika pengaruh masalah LGBT ini semakin berleluasa di negara Malaysia, tidak mustahil lah akan muncul dua kelompok masyarakat yang berfikir bertentangan iaitu golongan yang terbuka dengan perbuatan LGBT serta golongan yang menentang terhadap perbuatan LGBT. Secara kesannya, pergaduhan, perselisihan faham serta pertelingkahan akan sentiasa berlaku antara kedua-dua pihak tersebut dalam kalangan masyarakat. Misalnya, NGO-NGO islam akan mempunyai pertentangan dengan COMANGO yang menyokong perbuatan LGBT. Antara NGO yang menentang dengan hebat adalah ISMA. Secara tidak langsungnya, kestabilan dan imej negara akan terjejas.

Di samping itu, kepesatan perkembangan LGBT dalam kerajaan Malaysia amat membimbangkan kerana gejala-gejala tersebut akan teikut-ikut oleh ramai anak muda melalui penyebaran media sosial. Hal ini bermungkinan berlaku kerana desakan pihak luar seperti budaya barat kini yang telah menjadi pengetahuan golongan ramai melalui penyebaran media sosial yang bersifat global. Tambahan lagi, negara jiran kita, negara Thailand juga amat mengalu-alukan perbuatan ini akan menjadi pengaruh kepada golongan muda yang masih mentah. Secara tidak langsung, mereka tidak akan lagi mempercayai dan memegang prinsip agama mereka. Dengan ini, mereka yang terlibat dalam perbuatan LGBT tidak akan mempunyai perasaan bersalah mahupun berdosa kerana perbuatan ini telah menjadi kebiasaan dalam golongan masyarakat.

4. Objektif (minimum 3)

- 1) Mengenalpasti isu yang dialami oleh golongan LGBT
- 2) Mengenalpasti peranan masyarakat dalam memastikan sama ada golongan LGBT boleh dipulihkan, semakin bebas berkembang atau terus didiskriminasikan kerana kelainan orientasi yang mereka anggap satu keunikan dan bukan kecacatan
- 3) Mengenalpasti langkah-langkah yang boleh digunakan oleh kerajaan dalam menangani isu LGBT
- 4) Mencadangkan penggunaan konsep *rahmatan lil alamin* sebagai cara mendekati golongan LGBT